

# Patani Mingguan

HIMPUNAN BERITA DAN ARTIKLE MINGGUAN PATANI

KELUARAN MADRASAH KEWARTAWANAN SEMPADAN SELATAN (DSJ) #

DEEP SOUTH WATCH (DSW)

**NEWSLETTER**

## Ulama Termasyhur Yaman Mengunjungi Syeikh Daud al-Fatoni

penterjemah: Asi Chemaeng  
 pautan:



Habib Umar Bin Hafidz, ulama yang termasyhur dari negeri Yaman telah mengunjung ke Dewan Ulama Fatoni Darussalam. Beliau memujikan kemuliaan Syeikh Daud al-Fatoni sebagai seorang ulama yang berjasa terhadap dunia akademis islam di serantau tanah Melayu dan merupakan ulama yang terkenal di dunia pada 200 tahun yang lepas.

Tuan guru Abdulkarim Naknawa, sebagai wakil Dewan Ulama Fatoni Darussalam mengatakan bahawa rakyat patani cukup terasa sukacita dan berbesarhati dapat menyambut kedatangan Habib Umar Bin Hafidz untuk mengunjung ke Dewan Ulama Fatoni Darussalam pada kali ini. Di masa hadapan dewan ini akan menjadi tempat perhimpunan bagi para ulama untuk menyebarkan pengetahuan ilmu agama, dan pihak dewan juga akan terus melaksanakan azam-azam Syeikh Daud al-Fatoni."

Habib Umar mengatakan bahawa beliau terasa berbesarhati dan cukup sukacita yang dapat peluang untuk menemui dengan para ulama dan penduduk tempatan di sini. Lebih-lebih lagi wakil daripada pihak kerajaan yang hadir kemajlis pada kali ini juga, walaupun mereka itu tidak beragama Islam seperti penghadirin majlis yang lain. Perkara ini sukar dilihat di negara-negara lain. Antara wakil-wakil tersebut, ialah wakil dari Pusat Operasi Polisi Sempada Selantan Thai dan wakil dari Pasukan Polis Petugas Pattani.

## Timbalan perdana menteri menziarahi selatan Thai

penterjemah: Ruhannee Patsalam  
 pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6428>

Timbalan perdana menteri Gen.Prawit Wongsuwan melawat wilayah sempadan selatan Thai untuk meneruskan projek kedamaian yang mana lebih kurang 1,000 orang penduduk tempatan dan rakyat yang terjejas pergolongan di selatan Thai buat sambutan.

Timbalan perdana menteri berkata pihak kerajaan sangat risau dengan kehidupan di selatan Thai dan terus menjalankan projek untuk memberi kekuatan di setiap segi kerana itu adalah kepentinggan utama untuk negara.

Gen.Prawit berkata dengan itu kerajaan berharap rakyat menyokong untuk berhenti keganasan dan memberi sokongan roperasi pihak kerajaan supaya dalam kehidupan yang baik, kuat dan penduduk di dalam masyarakat yang aman damai.

**Patani Mingguan**

Dari Meja  
Editor



kedatangan ulama yang termasyhur dari negeri yaman ke Patani pada minggu yang lepas adalah satu peristiwa yang bermakna dalam masyarakat Patani sekarang, ini mengemukakan bahawa ulama2 di Patani masih lagi berperanan walaupun kejadian dan kekeran conflk masih terjadi.

dalam keadaan conflik yang terjadi, sebelum ini tidak pernah timbol suara menyokong proces damai dari bahagian orang Buddha yang berasal di tanah ayir ini, tapi kini mereka sudah bersuara dan manawarkan diri untuk bersama menyokong proces damai yang di jalankan lagi di tubohkan badan CSO seiring dengan orand melayu.

memang perjumpaan antara perdana mentri dua negara sempadan selatan mengukuhkan harapan terhadap rakyat Patani mendekati damai, tetapi kekerasan harian, mangsa keganasan dari mana2 pehak yang bersenjata masih lagi berterusan dan semakin hari semakin kuat, ini adalah soalan yang kami soal pehak bersenjata apa maksudnya kedanaian yang di kata.

Saronee Duereh  
 E-mail: saronee.d@dsjgroup.org

## *Suara dari selatan “Hentilah kegenasan terhadap kanak-kanak dan perempuan”*

penterjemah: Iyas Bin Hayisamaae

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6442>

Pada setiap tahun di haribulan 25, Nov. adalah hari menyingkirkan kegenasan terhadap para perempuan. Madrasah kewartawanan sempadan selatan telah catatkan perasaan dan kemahuan pihak kerajaan dan pertubuhan yang bekerja tentang hak terhadap perempuan dengan soalan “apa permintaan pada pihak yang bersenjata terhadap kanak-kanak dan perempuan di selatan Thailand.”



Rasidah

Rakchat

Ramlah

Dr. Phetdao

Encik Rakchat Suwan, ahli kumpulan Buddhist network for peace (B4P) berkata bahawa kekacauan yang ada di selatan Thailand itu boleh menyelesaikan dengan cara berkompromi. Dengan hal ini, pihak kerajaan mesti mengadakan pentas di antara para muslim dan para Buddha untuk membicarakan tentang hal ini. Terutamanya, di antara para pemuda muslim dan pemuda budha kerana mereka tidak meraba dengan satu sama lain, lagipun meraka berdua boleh menjadi kawan yang baik. Yang pentingnya pihak kerajaan mesti mengadakan pentas untuk mereka berdua membicarakan tentang keamanan di selatan Thailand.

Cik Ramlah saeyeh, seorang isteri yang terjadi mangsa dalam kes keamanan negara. Dia harap pihak yang berkuasa jangan mementingkan diri sendiri dalam tindakan kekerasan terhadap kanak-kanak dan para perempuan. Kerana hal ini menjadikan kekacauan di selatan Thailand semakin bertambah. Baik kekerasan berupa tutur kata maupun perbuatan dan lagi dengan bersenjata. Semua inilah yang berkesan minda terhadap kanak-kanak dan para perempuan.

Cik Rasidah Pusu, pengurus kelab wanita untuk hentikan kekerasan di 3 wilayah selatan Thailand, dia berharap pihak yang berkuasa memberi peluang untuk kanak-kanak dan para perempuan dalam hal penyelesaian kekerasan di 3 wilayah selatan. Mungkin mereka boleh mengikut serta dalam urusan ini pada tahap tempatan. Cik Rasidah sangat mengharapkan pihak kerajaan menghulurkan peluang kepada mereka untuk bekerja dalam kedudukan administrasi. Supaya mereka boleh menetapkan polisi sendiri kerana sekarang ini banyak perempuan yang menjadi mangsa kekerasan. Dengan hal ini, mereka boleh menetapkan polisi dengan sendiri yang konsisten dengan keinginan mereka.

Dr. Phetdao Tokmina, pengarah pusat kesihatan mental bahagian 12, berharap semua pihak yang berkuasa menghentikan kegenasan terhadap semua rakyat. Terutama terhadap kanak-

kanak dan para perempuan dan dilarang berlaku hal yang tidak sopan terhadap masjid, hospital, dan gereja (menurut standard antarabangsa yang sudah ditetapkan) Dan berharapkan kedua-dua pihak mengambil pelajaran dalam kekerasan pada 10 tahun yang lalu kerana pada masa silam 10 tahun lalu itu memberikan kita banyak pelajaran.

## *Ahli kampung ingin mengadakan dewan di kampung sendiri*

penterjemah: Zubaidah chema

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6429>

Pada 23 November 2557, pelajar People Kolej jurusan kurikulum demokrasi dan pengurusan awam mengadakan perjumpaan orang kampung di mukim Becah daerah Resak, Natathiwat menyertai ahli kampung lebih kurang 30 orang. Dalam perbincang ini mereka banyak berbicara tentang akan mengadakan dewan kampung.

Penganjuran People Kolej kali ini untuk membangunkan kemahiran pelajarnya dalam melatih ahli kampung supaya dapat mengadakan tuntutan kepada mana-mana pelbagai peringkat agensi termasuk dasar awam yang mengguna dalam kampung sendiri.

Ruslan Saleh pengurus program People Kolej berkata aliran kerja kali ini terbahagi kepada 4 bahagian iaitu 1. Pengumpulan data 2. Perbincangan kumpulan kecil (Focus group). 3. Penyedian penta perbicaraan untuk ahli kampung 4. Menyediakan tuntutan dasar kepada orang ramai dan pihak kerajaan.

## *Pertubuhan ‘Women of Faith for Peace’ bantu kadamaian*

penterjemah: Assani Kris-Pangka

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6469>

Majlis Agama untuk Keamanan atau Religions for Peace, Interreligious Council of Thailand (RFP-IRC Thailand) mewujudkan badan Wanita untuk Keamanan (Women of Faith for Peace) untuk menyokong aktiviti-aktiviti wanita dalam proses damai di rantau ini pada November 30, 2557 di CS Pattani.

Tujuan pertubuhan ini untuk meningkatkan nilai dan kefahaman wanita sendiri, menghormati maruah manusia, identiti dan budaya yang berbeza. Misinya adalah untuk menyediakan platform bagi dialog, berkongsi dan belajar bersama-sama dengan aman. Termasuk aktiviti pembelajaran dan pembangunan. Jemaah wanita Dan aktiviti social.

Maryam Samoh, Pengurus jemaah Wanita Keamanan, berkata RFP-IRC Thailand telah ditubuhkan pada tahun 2009, yang terdiri daripada pemimpin agama, wakil-wakil daripada rakyat, kedua-dua wanita dan lelaki dengan misi untuk mengukuhkan kerjasama dan mengembalikan keamanan di selatan Thailand.